

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	09 DECEMBER 2016

Dakwaan Tun M tak berasas

BH 9/12/2016



Dakwaan Tun Mahathir berkaitan 700,000 warga asing di Johor yang kononnya akan diberi Kad Pengenalan untuk menjadi pengundi sebagai tidak berasas, tidak bertanggung jawab dan berniat jahat”

Mohamed Khaled Nordin,
Menteri Besar Johor

➔ MB Johor sangkal 700,000 warga asing dapat kerakyatan

Oleh Zuraidah Mohamed
zmohamed@bh.com.my

► Johor Bahru

Kerajaan Johor menyelar tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad cuba menakutkan rakyat dengan mendakwa kononnya 700,000 warga asing di negeri itu akan mendapat kerakyatan bagi tujuan mengundi.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, menyifatkan dakwaan melulu bekas Perdana Menteri itu tidak logik dan berasas.

“Saya kekal konsisten dengan pendirian tegas sebelum ini mengenai dakwaan Tun Mahathir berkaitan 700,000 warga asing di Johor yang kononnya akan diberi Kad Pengenalan (IC) untuk menjadi pengundi sebagai tidak berasas, tidak bertanggung jawab dan berniat jahat.

Dakwaan melulu

“Dakwaan melulu Tun Dr Mahathir itu sangat tersasar daripada fakta dan mana-mana sumber yang sah,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengenai kedudukan semasa pemilikan hartanah oleh kepentingan asing di Johor, Mohamed Khaled berkata, jumlah kelulusan permohonan kebenaran perolehan hartanah oleh kepentingan asing adalah 29,218 unit bagi tempoh 2003 sehingga 30 November lalu.

Berdasarkan rekod Pejabat Ta-

nah dan Galian (PTG) Johor, katanya, perangkaan itu membabitkan pemilikan hartanah jenis ber-tanah dan strata.

“Pemilikan asing itu hanya 2.01 peratus daripada keseluruhan hak milik hartanah di Johor iaitu 1,452,931 unit.

“Sekiranya kita mengambil kira empat orang bagi setiap unit hartanah, berdasarkan Anggaran Pu-sat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), hanya 116,872 orang mengisngi unit hartanah dimiliki oleh orang asing itu.

“Angka ini meleset daripada 700,000 seperti didakwa Tun Dr Mahathir,” katanya.

Kenyataan itu mengulas entri terbaharu Dr Mahathir menerusi blognya, *chedet.cc*, Selasa lalu yang antara lain turut mendakwa Johor Bahru akan didiami 1.5 juta warga asing, manakala 700,000 warga asing akan membanjiri projek mega Forest City di Gelang Patah.

Mohamed Khaled berkata, Dr Mahathir sepatutnya lebih arif mengenai proses keluhuran undang-undang dan prosedur ketat berkaitan permohonan individu mendapat kerakyatan sesebuah negara.

Kena patuh syarat

Katanya, program Rumah Kedua yang diperkenalkan kerajaan juga kedatangan warga asing untuk ber-cuti, bekerja atau menetap di Malaysia dan mereka perlu mematuhi syarat ditetapkan.

Sebagai negeri pesat membangun, Mohamed Khaled berkata, Johor perlu terus meneroka dan membongkar peluang pertumbuhan baharu dalam pelbagai sektor, termasuk hartanah serta perumahan.

“Ini bagi memastikan pertumbuhan pesat itu disokong pelbagai kemudahan, sekali gus memastikannya berlaku dengan terancang dan mampan,” katanya.